

USIM raih 7 emas di Novel Research & Innovation Competition (NRIC) 2013, baru-baru ini.



## Easy Jawi menang emas

**Georgetown:** Tujuh daripada 10 penyelidikan pelajar prasiswazah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) meraih pingat dalam Novel Research and Innovation Competition (NRIC) 2013.

Penyelidikan bertajuk Easy Jawi memenangi pingat emas dan Anugerah Polisi Impak Sosial dengan membawa pulang wang

tunai RM3,000 dan sijil penghargaan.

Pingat perak merenusi Bambusia Pasta.

Lima lagi penyelidikan merangkul pingat gangsa iaitu e-Gelandangan, Module Laboratory Innovation Centre of Islamic Science Studies, Clothline Cover, e-Mentoring dan Master Pie.

### Kanak-kanak disleksia

Ketua Kumpulan Easy Jawi yang juga pelajar Fakulti Quran dan Sunnah, Wan Nursyahira Ramli, berkata produk itu membantu kanak-kanak disleksia untuk belajar Jawi dengan lebih mudah.

Katanya, kanak-kanak disleksia bukanlah cacat atau tidak pandai tetapi sesetengah mereka mempunyai kesukaran untuk menyebut perkataan yang panjang dan ada yang sukar mempelajari turutan seperti nama bulan serta sifir.

"Kajian membantu pembacaan huruf dalam rumi sememangnya sudah ada tetapi bagi Jawi masih

### FAKTA NOMBOR

7

pelajar

raih pingat NIRC 2013

13

projek

CoRIC serta pertandingan tahun ini

belum ada.

"Ekoran itu teretusnya idea kami menggerakkan projek ini," katanya.

Majlis penutup NRIC dilakukan oleh Naib Canselor USM Prof Datuk Dr Omar Osman.

Turut hadir Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Asma Ismail.

Pertandingan dianjurkan oleh Universiti Sains Malaysia (USM), di sini, baru-baru ini.

### Kompas orang buta

Sebanyak 132 projek penyelidikan NRIC dan 13 projek Penyelidikan Komuniti dan Pertandingan Inovasi

(CoRIC) menyertai pertandingan tahun ini.

Sementara itu, penyertaan pelajar USIM, Riza Asma'a Saari dalam CoRIC menerusi ciptaan kompas bagi untuk orang cacat penglihatan mendapat tempat ketiga.

Beliau juga terpilih sebagai Pembentang Terbaik CoRIC yang membawa pulang RM1,000 dan RM900 serta sijil penghargaan.